

04/09/2002

Pendidikan tumpuan Belanjawan 2003

Mohd Azlee Md Ideris

Cabaran Belanjawan 2003

KEADAAN ekonomi global yang tidak menentu memberi cabaran besar kepada kerajaan dalam merangka Belanjawan 2003. Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 September ini dijangka mempunyai kesinambungan dengan belanjawan tahun sebelumnya bagi memastikan langkah pemulihan ekonomi yang dirangka dapat dicapai.

Seperti yang dapat dilihat, penekanan ke arah pemulihan ekonomi seperti yang dibentangkan pada Belanjawan 2002 berjaya membantu pemulihan ekonomi domestik di samping mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi perdagangan domestik dan sudah tentu pencapaian ini perlu diteruskan bagi mengembalikan status ekonomi negara pra-1998.

Bagi meneruskan objektif pemulihan ekonomi disebabkan kemerosotan ekonomi dunia pada 1998, sektor swasta sekali lagi diberi tanggungjawab lebih besar dalam membantu menjana ekonomi negara. Dalam beberapa kenyataan yang dibuat menerusi media massa, penekanan akan diberikan bagi menggalakkan peningkatan pelaburan dari sektor swasta di samping meningkatkan tahap pelaburan asing. Peningkatan pelaburan daripada sektor itu dijangka secara langsung mengurangkan tahap pengangguran di kalangan graduan pada masa ini.

Untuk menggalakkan sektor swasta mengambil langkah aktif membantu proses pemulihan ekonomi negara, insentif yang dicadangkan seharusnya menjarak ke arah keseimbangan faedah yang boleh dinikmati bersama baik bagi sektor swasta mahu pun kerajaan. Insentif sedia ada perlu dirombak semula bagi menarik pelabur asing terus melabur di Malaysia. Sebagai contoh, taraf perintis yang sedia ada sudah tidak mencukupi untuk menarik minat pelabur asing memandangkan tempoh insentif yang singkat serta pembatasan elaun modal sehingga tamat tempoh insentif yang diberikan.

Pendekatan yang lebih mesra perniagaan diperlukan bukan saja bagi menarik pelabur baru malah mengekalkan pelabur sedia ada, lebih-lebih lagi dengan terbukanya ekonomi China kepada seluruh dunia. Pembukaan ekonomi China patut dilihat dari sudut positif sama ada dari segi persaingan menarik pelabur asing atau pun pelabur Malaysia melabur di China untuk mengurangkan kos pengeluaran.

Dari segi persaingan, pemberian insentif bersesuaian di samping infrastruktur sedia ada menjadi aset Malaysia bersaing menarik lebih ramai pelabur asing. Persaingan menarik pelabur asing akan meningkatkan taraf produktiviti pekerja Malaysia ke tahap lebih tinggi. Langkah merangsang kesan positif harus diambil supaya Malaysia berjaya mencapai pelaburan asing yang sewajarnya. Hanya dengan gandingan seiring di antara sektor swasta dan kerajaan dapat membantu proses pemulihan ekonomi yang menyeluruh.

K-Ekonomi terus menjadi tonggak perbincangan hangat dalam mengharungi arus pemodenan Malaysia. Seperti dimaklumkan dalam belanjawan lalu, dana berjumlah hampir RM1 bilion sudah diperuntukkan bagi melaksanakan pelbagai projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pembangunan ICT dijangka terus menjadi teras belanjawan bagi tahun mendatang bagi mencapai Wawasan 2020. Insentif lebih agresif perlu diperkenalkan bagi memastikan pembangunan ICT terus ditingkatkan di samping memenuhi permintaan pekerjaan yang bertambah dalam bidang ini. Bagi menggalakkan sektor swasta lebih aktif dalam memajukan ICT, insentif yang berorientasikan

perniagaan perlu diperkenalkan.

Bagi belanjawan kali ini, seperti juga tahun sebelumnya, potongan kadar cukai bagi syarikat dan individu terus menjadi bualan dan harapan pembayar cukai. Kali terakhir kadar cukai syarikat diturunkan adalah pada 1998 daripada 30 peratus kepada 28 peratus. Ini ialah langkah drastik bagi memastikan Malaysia kekal menjadi negara pilihan di kalangan pelabur asing. Di samping itu, syarikat Malaysia juga meraih faedah pengurangan kadar cukai berkenaan.

Lebih dana daripada pengurangan kadar cukai dapat disalurkan sama ada dalam bentuk penggunaan dana bagi meningkatkan operasi mahupun sebagai pampasan terus kepada pekerja syarikat. Ini secara tidak langsung merangsang aktiviti ekonomi negara. Seperti kata pepatah "besar periuk besarlah kerak nasinya". Seperti disarankan dalam belanjawan lalu, kadar cukai individu dikurangkan daripada 29 kepada 28 peratus bagi menggalakkan perbelanjaan yang boleh mengaktifkan aktiviti ekonomi negara. Lanjutan daripada Belanjawan 2002, pengurangan kadar cukai bagi syarikat sedikit sebanyak dapat meneruskan objektif belanjawan lalu bagi meningkatkan penggunaan.

Begitu pun, pengurangan kadar cukai langsung selalunya disertai peningkatan cukai tidak langsung. Ini kerana kerajaan terpaksa mengimbangkan belanjawan disebabkan pengurangan terbabit. Peningkatan cukai tidak langsung memberi kesan terhadap kemampuan berbelanja semua lapisan masyarakat terutama golongan berpendapatan rendah. Sistem percukaian berdasarkan penggunaan belum dapat dilaksanakan memandangkan jurang pendapatan yang masih jauh di antara golongan ekstrim ini.

Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) sudah dilaksanakan sejak 1 Januari 2002 merangkumi pelbagai barangan keluaran negara anggota Asean. Satu daripada produk yang masih belum dikuatkuasakan dan terus mendapat perhatian ialah duti import ke atas kenderaan bermotor. Ia hanya akan dikuatkuasakan mulai 2005. Justeru, dijangkakan langkah tertentu akan diumumkan dalam belanjawan ini yang bertujuan menyerap kesan liberalisasi jika langkah awal tidak diambil. Antara langkah yang mungkin dicadangkan termasuk pengurangan duti import dan kenaikan cukai jualan terhadap kenderaan secara berperingkat.

Satu lagi bidang yang dijangka diberi perhatian dalam belanjawan kali ini ialah pendidikan. Sudah banyak diperkatakan dalam media cetak berkenaan pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains dan Matematik. Oleh itu, tidak mustahil peruntukan bagi pendidikan ditambah bagi Belanjawan 2003.

* Mohd Azlee Md Ideris adalah Jururunding Kanan Perkhidmatan Nasihat Cukai & Perniagaan, PricewaterhouseCoopers